Fizfa Holdings Sdn Bhd lwn Hasim bin Sabu (Malaysia National Insurance Bhd, garnisi)

MAHKAMAH TINGGI (MUAR) — WRIT SAMAN NO 22–58 TAHUN 1996
AHMADI ASNAWI PK
26 OCTOBER 2009

Prosedur Sivil — Penghakiman dan perintah — Perintah garnismen — Perintah mutlak — Permohonan mengetepikan — Notis rayuan — Tiada tarikh pemfailan — Sama ada notis rayuan difailkan — Sama ada kelewatan melampau dalam memfailkan notis rayuan dan serahan kepada pemiutang penghakiman — Sama ada perintah garnismen mutlak tak sah dan batal

Pada 19 Jun 2000, pemiutang penghakiman telah mendapat penghakiman terhadap penghutang penghakiman bagi sejumlah RM1.1 juta. Pemiutang penghakiman telah memfailkan saman bagi perintah garnismen untuk tunjuk sebab terhadap garnisi dan telah dibenarkan oleh mahkamah. Tunjuk sebab terhadap garnisi tersebut telah ditetapkan untuk bicara pada 16 Jun 2005 di hadapan timbalan pendaftar. Garnisi gagal hadir pada tarikh tersebut dan timbalan pendaftar telah memberikan perintah garnismen mutlak terhadap garnisi pada 16 Jun 2005. Garnisi kemudiannya memohon untuk mengetepikan perintah garnismen mutlak tersebut. Permohonan tersebut telah ditolak oleh penolong kanan pendaftar pada 21 April 2006 dan ditolak sekali lagi pada 28 Disember 2006 atas dasar res judicata. Pada 8 Mei 2006, garnisi telah memfailkan notis rayuan kepada hakim dalam kamar bertarikh 5 Mei 2006 (lampiran 41) terhadap keputusan timbalan pendaftar pada 16 Jun 2005. Terdapat satu lagi notis rayuan yang juga bertanda lampiran 41 bertarikh 5 Mei 2006 yang tiada tarikh pemfailan merayu terhadap keputusan penolong kanan pendaftar pada 21 April 2006 yang didakwa oleh garnisi sebagai notis rayuan yang telah dibetulkan. Kedua-dua lampiran ini telah dibatalkan pada 27 Jun 2006 kerana ketidakhadiran kedua-dua pihak dan telah dihidupkan semula melalui perintah mahkamah bertarikh 28 Jun 2007. Garnisi telah memfailkan lampiran 76 ini pada 25 Jun 2007, memohon notis rayuan kepada hakim dalam kamar bertarikh 5 Mei 2006 yang difailkan pada 8 Mei 2006 (lampiran 41) dianggap sebagai difailkan di dalam tempoh had masa yang ditetapkan. Isu-isu yang perlu diputuskan mahkamah adalah seperti berikut: (i) sama ada terdapat notis rayuan difailkan bagi perintah bertarikh 21 April 2006; dan (ii) sama ada terdapat kelewatan melampau dalam memfailkan notis rayuan dan menyerahkannya terhadap pemiutang penghakiman.

Diputuskan, menolak permohonan garnisi dengan kos:

(1) Notis rayuan (lampiran 41) yang bertarikh 5 Mei 2006 dan difailkan pada 8 Mei 2006 adalah notis rayuan terhadap keputusan bertarikh 16 Jun 2005 iaitu perintah garnismen mutlak dan notis rayuan (lampiran 41) yang bertarikh 5 Mei 2006 yang tiada tarikh pemfailan adalah notis rayuan terhadap keputusan bertarikh 21 April 2006 iaitu perintah yang menolak permohonan garnisi untuk mengetepikan perintah garnismen mutlak bertarikh 16 Jun 2005 adalah dua notis rayuan yang berbeza. Dengan demikian lampiran 41 yang merayu terhadap keputusan bertarikh 21 April 2006 yang tiada tarikh pemfailan dan difailkan tanpa kebenaran mahkamah tidak boleh diterima sebagai notis rayuan yang sah (lihat perenggan 5).

(2) Terdapat kelewatan dalam memfailkan notis rayuan (lampiran 41 yang tiada tarikh pemfailan) yang dimaksudkan oleh garnisi sebagai sah dan tempoh kelewatan tidak dapat dipastikan memandangkan tiada tarikh pemfailan. Terdapat juga kelewatan dalam memfailkan permohonan untuk lanjutan masa untuk memfailkan notis rayuan tersebut sejak 5 Mei 2006 (tarikh notis rayuan) sehinggalah lampiran 76 ini difailkan pada 25 Jun 2007 iaitu setelah satu tahun dan satu bulan. Pihak garnisi tidak memberikan apa-apa alasan yang material dan munasabah untuk menyokong permohonan lanjutan masa di bawah A 3 k 5 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 (lihat perenggan 8).

[English summary

On 19 June 2000, the judgment creditor obtained a judgment against the judgment debtor for a sum of RM1.1m. The judgment creditor filed a summons for a garnishment order to show cause against the garnishee and this was allowed by the court. The show cause against the said garnishee was fixed for trial on 16 June 2005 before the deputy registrar. The garnishee failed to appear on the said date and the deputy registrar gave an absolute garnishment order against the garnishee on 16 June 2005. The garnishee subsequently applied to set aside the absolute garnishment order. The application was dismissed by the senior assistant registrar on 21 April 2006 and was dismissed again on 28 December 2006 on the basis of res judicata. On 8 May 2006, the garnishee filed a notice of appeal to the judge in chambers on 5 May 2006 (encl 41) against the decision of the deputy registrar on 16 June 2005. There was another notice of appeal which was also marked as encl 41 dated 5 May 2006 that had no date of filing of appeal against the decision of the senior assistant registrar on 21 April 2006 that was alleged by the garnishee as the amended notice of appeal. These two enclosures was quashed on 27 June 2006 due to the absence of both parties and was reinstated by a court order dated 28 June 2007. The garnishee filed

the encl 76 on 25 June 2007, praying that the notice of appeal to the judge in chambers dated 5 May 2006 which was filed on 8 May 2006 (encl 41) to be considered as filed within the stipulated limitation period. The issues for the determination of the court were as follows: (i) whether there was a notice of appeal filed for an order dated 21 April 2006; and (ii) whether there was an inordinate delay in filing the notice of appeal and served against the judgment debtor.

Held, dismissing the garnishee's application with costs:

(1) The notice of appeal (encl 41) dated 5 May 2006 which was filed on 8 May 2006 was a notice of appeal against the decision dated 16 June 2005 ie the garnishment order and the notice of appeal (encl 41) dated 5 May 2006 which had no date of filing was the notice of appeal against the decision dated 21 April 2006 ie the order which dismissed the garnishee's application to set aside the absolute garnishment order dated 16 June 2005 were two different notice of appeals. Therefore encl 41 which appealed against the decision dated 21 April 2006 that had no date of filing and was filed without leave of court could not be admitted as a valid notice of appeal (see para 5).

(2) There was a delay in filing the notice of appeal (encl 41 which had no date of filing) which was purported by the garnishee as valid and the period of delay could not be determined as there was no filing date. There was also a delay in filing the application for extension of time to file the notice of appeal since 5 May 2006 (the date of the notice of appeal) until encl 76 was filed on 25 June 2007 ie after a year and a month. The garnishee did not provide any concrete and reasonable explanation to support the application for extension of time under O 3 r 5 of the Rules of the High Court 1980 (see para 8).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai perintah garnismen, lihat 2(2) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2007 Reissue) perenggan 4140–4142.

Kes-kes yang dirujuk

Antamacro Sdn Bhd lwn Kuala Dimensi Sdn Bhd [2005] 3 CLJ 102, MT (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A 3 k 5, A 56 k 1(3)

Selva Rani Tiyagarajan (TS Oon & Partners) bagi pihak perayu.
Satvinder Kaur @ Savena Bhattal (Satvinder K & Associates) bagi pihak responden-responden.

Ahmadi Asnawi PK:

FAKTA KES

[1] Dalam tindakan ini, pemiutang penghakiman telah mendapat penghakiman terhadap penghutang penghakiman pada 19 Jun 2000 untuk sejumlah wang RM1.1 juta. Pemiutang penghakiman mendakwa garnisi berhutang terhadap penghutang penghakiman berasaskan 'professional indemnity insurance' (fakta ini dinafikan oleh garnisi). Oleh itu pemiutang penghakiman telah memfailkan saman bagi perintah garnismen untuk tunjuk sebab terhadap garnisi (lampiran 12) dan telah dibenarkan oleh mahkamah. Tunjuk sebab terhadap garnisi telah ditetapkan untuk bicara pada 16 Jun 2005 di hadapan timbalan pendaftar. Garnisi telah gagal hadir pada 16 Jun 2005 dan timbalan pendaftar telah memberikan perintah garnismen mutlak terhadap garnisi pada tarikh 16 Jun 2005 tersebut. Kemudian garnisi memfailkan saman dalam kamar (lampiran 24) untuk mengetepikan perintah garnismen mutlak bertarikh 16 Jun 2005. Permohonan dalam lampiran 24 tersebut telah didengar dan ditolak oleh penolong kanan pendaftar pada 21 April 2006. Garnisi sekali lagi telah memfailkan saman dalam kamar (lampiran 39) untuk mengetepikan perintah garnismen mutlak bertarikh 16 Jun 2005 dan permohonan tersebut juga telah ditolak oleh penolong kanan pendaftar pada 28 Disember 2006 atas dasar res judicata.

[2] Pada 8 Mei 2006, garnisi telah memfailkan notis rayuan kepada hakim dalam kamar bertarikh 5 Mei 2006 (lampiran 41) terhadap keputusan timbalan pendaftar pada 16 Jun 2005. Terdapat satu lagi notis rayuan yang adalah juga lampiran 41 bertarikh 5 Mei 2006 yang tiada tarikh pemfailan merayu terhadap keputusan penolong kanan pendaftar pada 21 April 2006 yang didakwa oleh garnisi sebagai notis rayuan yang telah dibetulkan. Kedua-dua lampiran ini telah dibatalkan pada 27 Jun 2006 kerana ketidakhadiran kedua-dua pihak dan telah dihidupkan semula melalui perintah mahkamah bertarikh 28 Jun 2007.

[3] Garnisi telah memfailkan lampiran 76 ini pada 25 Jun 2007, memohon notis rayuan kepada hakim dalam kamar bertarikh 5 Mei 2006 yang difailkan pada 8 Mei 2006 (lampiran 41) dianggap sebagai difailkan di dalam tempoh had masa yang ditetapkan.

ISU-ISU YANG PERLU DIPUTUS

(a) Sama ada terdapat notis rayuan difailkan bagi perintah bertarikh 21 April 2006.

(b) Sama ada terdapat kelewatan melampau dalam memfailkan notis rayuan dan menyerahkannya terhadap pemiutang penghakiman.

Sama ada terdapat notis rayuan difailkan bagi perintah bertarikh 21 April 2006

[4] Notis rayuan dalam lampiran 41 bertarikh 5 Mei 2006 yang difailkan pada 8 Mei 2006 adalah notis rayuan kepada hakim dalam kamar terhadap keputusan timbalan pendaftar pada 16 Jun 2005. Garnisi mengakui lampiran 41 ini terdapat kesilapan nama pegawai mahkamah yang memberi keputusan dan tarikh keputusan. Garnisi juga mengakui telah memfailkan satu lagi notis rayuan iaitu lampiran 41 bertarikh 5 Mei 2006 yang tiada tarikh pemfailan dengan meminda nama pegawai mahkamah yang memberi keputusan dan tarikh keputusan dipinda kepada 21 April 2006.

[5] Garnisi dalam hal ini tidak pernah memohon kebenaran mahkamah untuk meminda atau membuat pembetulan ke atas notis rayuan yang difailkan pada 8 Mei 2006 tersebut. Oleh yang demikian notis rayuan (lampiran 41) yang bertarikh 5 Mei 2006 dan difailkan pada 8 Mei 2006 adalah notis rayuan terhadap keputusan bertarikh 16 Jun 2005 iaitu perintah garnismen mutlak dan notis rayuan (lampiran 41) yang bertarikh 5 Mei 2006 yang tiada tarikh pemfailan adalah notis rayuan terhadap keputusan bertarikh 21 April 2006 iaitu perintah yang menolak permohonan garnisi untuk mengetepikan perintah garnismen mutlak bertarikh 16 Jun 2005 adalah dua notis rayuan yang berbeza.

[6] Dengan demikian lampiran 41 yang merayu terhadap keputusan bertarikh 21 April 2006 yang tiada tarikh pemfailan dan difailkan tanpa kebenaran mahkamah tidak boleh diterima sebagai notis rayuan yang sah.

[7] Dengan itu sebenarnya tiada rayuan kepada hakim dalam kamar terhadap keputusan penolong kanan pendaftar pada 21 April 2006 yang menolak permohonan garnisi untuk mengetepikan perintah garnismen mutlak bertarikh 16 Jun 2005.

Sama ada terdapat kelewatan melampau dalam memfailkan notis rayuan dan menyerahkannya terhadap pemiutang penghakiman

[8] Terdapat kelewatan dalam memfailkan notis rayuan (lampiran 41 yang tiada tarikh pemfailan) yang dimaksudkan oleh garnisi sebagai sah tersebut dan tempoh kelewatan tidak dapat dipastikan memandangkan tiada tarikh pemfailan. Terdapat juga kelewatan dalam memfailkan permohonan untuk perlanjutan masa untuk memfailkan notis rayuan tersebut sejak 5 Mei 2006 (tarikh notis rayuan) sehinggalah lampiran 76 ini difailkan pada 25 Jun 2007 iaitu setelah satu tahun dan satu bulan. Pihak garnisi tidak memberikan

A apa-apa alasan yang material dan munasabah untuk menyokong permohonan perlanjutan masa dibawah A 3 k 5 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980. Alasan bahawa peguam pihak garnisi berada di Singapura pada masa tersebut dan terlepas pandang akan pemfailan notis rayuan tersebut tidak boleh diterima sebagai satu alasan yang munasabah (rujuk kes *Antamacro Sdn Bhd*
B *lwn Kuala Dimensi Sdn Bhd* [2005] 3 CLJ 102). Kelewatan selama satu tahun dan satu bulan dalam memfailkan permohonan dalam lampiran 76 ini amat memprejudis pemiutang penghakiman kerana hak pemiutang penghakiman untuk menikmati hasil penghakiman telah dinafikan.

C **[9]** Mahkamah juga mendapati bahawa notis rayuan kepada hakim dalam kamar terhadap keputusan penolong kanan pendaftar pada 21 April 2006 yang menolak untuk mengetepikan perintah garnismen mutlak bertarikh 16 Jun 2005 yang didakwa garnisi sebagai sah tidak diserahkan ke atas pemiutang penghakiman seperti yang diperuntukkan di bawah A 56 k 1(3)
D Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 iaitu bahawa notis rayuan kepada hakim dalam kamar hendaklah difailkan dalam tempoh sepuluh hari dari tarikh perintah atau penghakiman dan diserahkan tidak kurang lima hari sebelum tarikh perbicaraan notis rayuan.

E **[10]** Oleh yang demikian berdasarkan alasan-alasan tersebut di atas, saya mendapati bahawa pihak garnisi telah gagal membuktikan kepada mahkamah bahawa terdapat alasan yang kukuh dan munasabah untuk membenarkan permohonan perlanjutan masa untuk memfailkan notis rayuan di luar jangkamasa. Dengan demikian saya telah menolak permohonan garnisi
F dalam lampiran 76 dengan kos.

Permohonan garnisi ditolak dengan kos.

G Reported by Ashgar Ali Ali Mohamed

H

I